

BANTUAN WANG FIDYAH (INSTITUSI)

OBJEKTIF

Bantuan ini bagi meringankan bebanan kewangan khusus untuk membantu Badan Kebajikan, Persatuan Islam, Badan organisasi, dan lain-lain di dalam dan di luar negara bagi menampung keperluan makanan harian golongan Asnaf Fakir dan Miskin yang memerlukan.

KEKERAPAN

Bantuan diberi sekali sahaja atau berulang mengikut keperluan.

SYARAT-SYARAT PERMOHONAN

1. Berdaftar dengan Pendaftar Pertubuhan atau mendapat pengiktirafan daripada pihak Kerajaan (i.e. Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia (JPPM), Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM), atau yang berkaitan).
2. Bagi institusi dari luar negara adalah tertakluk kepada semakan dan penilaian Tabung Baitulmal Sarawak.
3. Pengagihan bantuan hendaklah kepada golongan yang dikategorikan Asnaf Fakir atau Miskin.
4. Bagi permohonan berulang, adalah digalakkan mengemukakan laporan dan aktiviti yang telah dilaksanakan.

DOKUMEN YANG DIPERLUKAN (JIKA BERKAITAN)

1. Surat permohonan.
2. Kertas Kerja.
3. Laporan siasatan ke atas Badan Kebajikan, Persatuan Islam, Badan organisasi dan yang berkaitan yang tidak berdaftar dengan pihak Kerajaan.
4. Surat pengesahan dari kedutaan (Jika perlu).